

KAJIAN SENIBINA RUMAH TRADISIONAL MELAYU

AHMAD DINIE IDHAM BIN AHMAD FADZIL

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN PERBANDINGAN KESENIAN SUSUNATUR
PADA RUMAH TRADISIONAL MELAYU DI NEGERI
KELANTAN DAN NEGERI SEMBILAN**

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD DINIE IDHAM BIN AHMAD FADZIL

C18A0012

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim...

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran illahi dengan limpah rahmat kurnya-Nya, dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan lancar. Dengan nikmat dan rahmat yang telah diberi seperti tenaga, masa, tubuh badan yang sihat dan nyawa bagi memudahkan urusan dalam melakukan kajian ini.

Pertama, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan ucapan penghargaan kepada pensyarah yang dihormati lagi disayangi, Dr. Shahariah Binti Shaharudin dan Ts. Dr. Mukhtaruddin Bin Musa kerana dengan tunjuk ajar dan bimbingan tidak kira masa bagi memudahkan atau membuka jalan kepada saya untuk meneruskan dan menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Selain itu, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terkira kepada kedua ibu bapa saya yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini. Tanpa mereka siapalah saya untuk menyiapkan tugas ini dan memudahkan kerja-kerja saya.

Ucapan penghargaan ini ditujukan kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu dan memberi kesedaran kepada saya untuk menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, saya ini mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI GAMBAR RAJAH	vi
SENARAI RAJAH	vii
ABTRAK	viii
ABSTRACT	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7

1.6 Kepentingan Kajian	9
1. Struktur Kajian	10
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	11
2.0 Pengenalan	11
2.1 Kajian Lepas	11
2.1.1 Warisan	12
2.2 Asal Usul Rumah Tradisional	13
2.2.1 Asal Usul Rumah Tradisional Negeri Kelantan	13
2.2.2 Asal Usul Rumah Tradisional Negeri Sembilan	13
2.3 Kerangka Teori	14
2.3.1 Teori Estetika	14
2.4 Kesimpulan	15
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	16
3.0 Pengenalan	16
3.1 Rekabentuk Kajian	16

3.1.1 Kaedah Kualitatif	16
3.1.2 Kaedah Kuantitatif	17
3.1.3 Kaedah Campuran	17
3.1.4 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian	18
3.2 Pengumpulan Data	18
3.2.1 Data Primer	18
3.2.2 Data Skunder	19
3.2.3 Proses Kajian	21
3.3 Persempelan	22
i. Organisasi Muzium Negeri Sembilan	22
ii. Pemilik Rumah Negeri Kelantan	22
3.4 Instrumen	23
3.4.1 Temubual	23
i. Fotografi	23
ii. Video	23
iii. Voice Record	23

3.5 Analisis Data	24
3.6 Kesimpulan	25
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	26
4.0 Pengenalan	26
4.1 Kesenian Susunatur Ruang Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan	28
4.1.1 Kesenian Susunatur Ruang Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan	28
4.1.2 Kesenian Susunatur Ruang Pada Rumah Tradisional Di Negeri Sembilan	30
4.2 Perbandingan Susunatur Ruang Yang Terdapat Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan	32
4.2.1 Perbezaan Fungsi Ruang Rumah Tradisional Negeri Kelantan dan negeri Sembilan	32
4.2.2 Perbezaan Ukiran Kayu Pada Ruang Rumah	35
4.3 Keunikan Susunatur Ruang Di Rumah Tradisional Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan	38

4.3.1 Keunikan Susunatur Ruang Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan	38
4.3.2 Keunikan Susunatur Ruang Rumah Tradisional Di Negeri Sembilan	38
4.4 Kesimpulan	39
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	40
5.0 Pengenalan	40
5.1 Rumusan	40
5.1.1 Objektif Kajian 1: Kesenian Susunatur Ruang Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan.	40
5.1.2 Objektif Kajian 2: Perbandingan Susunatur Ruang Yang Terdapat Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan.	41
5.1.3 Keunikan Susunatur Ruang Di Rumah Tradisional Negeri Kelantan Dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan.	41
5.2 Cadangan	42
Rujukan	43

SENARAI GAMBAR RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Latar Belakang kajian	2
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Lokasi Kajian	7
1.4	Lokasi Kajian	8
4.1	Fungsi Ruang Rumah Negeri Kelantan	33
4.2	Fungsi Ruang Ibu Negeri Sembilan	33
4.3	Ukiran Ayat Al-Quran Pada Ruang Rumah Negeri Kelantan	36
4.4	Ukiran Kayu Pada Ruang Ibu Negeri Sembilan	36

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
3.1	Proses Kajian	21
4.1	Demografi Informan	27
4.2	Perbezaan Diantara Rumah Tradisional Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan	35

ABSTRAK

Penyelidikan ini mempunyai tajuk yang tersendiri iaitu kajian perbandingan kesenian susunatur ruang rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Rumah tradisional Melayu mempunyai kesenian yang tersendiri iaitu kesenian susunatur ruang, kesenian kaedah pembinaan dan kesenian adaptasi komponen binaan terhadap iklim setempat. Permasalahan kajian yang wujud dalam kajian yang dijalankan adalah seperti susunatur ruang yang berbeza, kekurangan rujukan terkini dan susunatur ruang rumah berteraskan permodenan. Selain itu, terdapat juga objektif kajian yang digunakan bagi menyelesaikan permasalahan kajian seperti mengenalpasti seni susunatur dalam rumah tradisional, mengkaji perbandingan susunatur ruang yang terdapat pada rumah tradisional dan menghuraikan keunikan susunatur setiap rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan. Penggunaan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Kaedah kualitatif yang dilakukan ialah kajian lapangan, temubual dan pemerhatian. Temubual dilakukan bersama responden yang mengetahui mengenai susunatur ruang rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Kajian ini bukan sahaja untuk membandingkan kedua-dua kesenian susunatur ruang malah memberi kesedaran kepada masyarakat agar menghargai kesenian yang ada pada rumah tradisional Melayu

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This research has a distinctive title of a comparative study of the art layout of a traditional Malay house in Kelantan and Negeri Sembilan. Rumah tradisional Melayu has a unique artistic layout of the arts, art construction methods and the art of building components adapted to the local climate. The problems of the study that exist in the study are such as different space layouts, lack of up to date references and modernization based home space layout. Apart from that, there are also research objectives used to solve research problems such as identifying the art of layout in traditional houses, studying the comparison of space layout found in traditional houses and describing the unique layout of each traditional house in Kelantan and Negeri Sembilan. Use of qualitative methods to obtain information more accurately. Qualitative methods used are field studies, interviews and observations. Interviews conducted with respondents who knew about the layout of a rumah tradisional Melayu in Kelantan and Negeri Sembilan. This study not only for comparing the two art layout program even bring awareness to the community in order to appreciate the arts exist in rumah tradisional Melayu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1


PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan bahawa terdapat beberapa kajian yang penting untuk dikaji. Selain itu, bab ini terdiri daripada latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan mengenai latarbelakang kajian perbandingan seni susunatur rumah tradisional di Malaysia dengan lebih terperinci.

1.1 Latar Belakang

Rumah tradisional Melayu merupakan rumah yang sangat unik di Malaysia. Hal ini kerana cara pembinaan, susunatur ruang dan bahan kompenan yang tahan terhadap iklim. Cara pembinaan rumah tradisional Melayu tidak menggunakan sebatang kayu malah rumah tersebut menggunakan pasak dan tanggam. Dengan cara pembinaan ini rumah tradisional Melayu merupakan rumah yang unik di Malaysia. Manakala susunatur ruang yang mempunyai keselesaan untuk ahli keluarga dan tetamu. Hal ini kerana, rumah tradisional Melayu yang mempunyai beberapa bahagian ruang yang di terapkan bagi kemudahan tetamu dan ahli keluarga. Bahan kompenan tahan terhadap iklim yang bersesuaian dengan iklim di Malaysia. Hal ini kerana, apabila berlakunya banjir dengan adanya kaki rumah yang dapat melindungi barangan dan ahli keluarga dikawasan dalam rumah. Dikajian ini menerangkan susunatur rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.



Gambar rajah 1.2: susunatur ruang rumah tradisional Negeri Sembilan
(Sumber: laman sesawang rumah tradisional Negeri Sembilan, 2021)

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini menerangkan permasalahan kajian yang terdapat di dalam projek penyelidikan rumah tradisional melayu di Negeri Kelantan:-

i. **Susunatur Ruang Yang Bebeza.**

Susunatur ruang merupakan susunan ruang yang ada pada rumah tradisional melayu dan rumah moden. Menurut M.S. Surat, M.A. Baharum, I.M.s Usman, A.R. Musa dan n.M Tawil (2012) rumah moden sudah meniru gaya rumah masyarakat di Barat di negara Amerika dan British. Hal ini kerana, tiada ruang serambi malah terus kepada ruang tamu. Selain itu, ruang dapur mempunyai saiz yang sama besar dengan ruang tamu. Manakala dilihat susunatur rumah tradisional mempunyai bahagian seperti ruang serambi yang di bahagian hadapan yang mempunyai fungsi iaitu ruang menyambut tetamu. Seterusnya, ruang yang didapati selepas serambi iaitu ruang tamu yang dimana ia merupakan tempat untuk melayani tetamu. Selain ruang ini terdapat juga ruang bilik yang merupakan tempat privasi kepada ahli keluarga dan ruang dapur tempat untuk memasak atau pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh kaum wanita. Susunatur ruang pada rumah moden tidak mengikut susunatur ruang yang terdapat pada rumah tradisional kerana pendedahan susunatur ruang moden kepada masyarakat untuk memiliki rumah lebih besar.

ii. **Kekurangan Rujukan Terkini.**

Susunatur rumah tidak lagi terdedah kepada masyarakat kerana tiada rujukan mengenai susunatur ruang rumah tradisional. Jika dilihat mengenai pembinaan rumah masyarakat lebih ditumpukan kepada pendedahan moden. Menurut Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) dalam artikel Norazila bin Kamarulzaman (2019) kajian mengenai rumah tradisional

Melayu lebih tertumpu kepada di bahagian Pantai Timur jika dibandingkan kajian di bahagian Barat. Rujukan mengenai susunatur rumah tradisional tidak mendapat sambutan dalam pembinaan susunatur ruang terhadap rumah moden. Berkemungkinan susunatur ruang rumah tradisional tidak sesuai digunakan dalam susunatur ruang rumah moden.

iii. **Susunatur Ruang Rumah Berteraskan Pemodenan.**

Perkembangan kemajuan telah memberikan impak kepada pemikiran masyarakat pada masa kini dengan menggunakan kemampuan teknologi ekonomi semasa dan sosio-budaya. Menurut Kamarul Afizi dan Nik lukman Nik Ibrahim (2007) gaya rupa seni bina rumah di negara ini telah mengalami perubahan selepas kemerdekaan. Hal ini kerana arkitek yang baru menamatkan pengajian di luar negara telah membawa fahaman baharu tentang seni bina ke bandar utama di negara ini yang sebelumnya melaksanakan pendekatan reka bentuk seni bina kolonial. Keadaan ini dapat dilihat secara terus dengan susunatur ruang yang terdapat pada rumah moden. Susunatur ruang rumah tradisional mempunyai fungsi tersendiri manakala pada masa kini ruang tersebut tidak lagi menggunakan konsep rumah tradisional Melayu.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga persoalan bagi kajian yang ingin dilaksanakan dalam projek penyelidikan. Antara persoalan kajian yang ditetapkan ialah:-

- i. Apakah seni susunatur ruang dalam rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan?
- ii. Bagaimanakah perbandingan susunatur ruang bagi setiap rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan?
- iii. Apakah keunikan susunatur setiap rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagimenyelesaikan permasalahan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Terdapat tiga objektif kajian dalam kajian ini iaitu:-

- i. Mengenalpasti seni susunatur dalam rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan.
- ii. Mengkaji perbandingan susunatur ruang yang terdapat pada rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan.
- iii. Menghuraikan keunikan susunatur setiap rumah tradisional di Negeri Kelantan dan Negeri Sembilan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini telah menetapkan skop kajian bagi meneruskan penyelidikan yang akan dilaksanakan seperti menghadkan kajian kepada susunatur ruang rumah tradisional melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Manakala kawasan kajian yang ditumpukan bagi melaksanakan projek penyelidikan ini adalah kawasan negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Hal ini kerana, bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

i. Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini dilakukan di sekitar kawasan Kota Bharu negeri Kelantan dan Lembaga Muzium negeri Sembilan.



Gambar 1.3: lokasi di sekitar rumah tradisional Kelantan
(Sumber: Google Maps, 2021)



Gambar rajah 1.4: Lokasi sekitar rumah tradisional Negeri Sembilan
(Sumber: portal rasmi Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2021)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dipilih untuk melakukan projek penyelidikan terhadap rumah tradisional melayu di Negeri Kelantan. Hal ini untuk mendapatkan maklumat atau kajian mengenai seni susunatur yang terdapat pada rumah tradisional melayu Kelantan. Terdapat beberapa kepentingan yang ingin ditekankan dalam memastikan seni susunatur yang ada pada rumah tradisional melayu Kelantan dijaga:-

i. Masyarakat

Kajian ini memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai susunatur ruang rumah tradisional melayu di Negeri Kelantan. Hal ini kerana, susunatur ruang rumah tradisional yang amat unik di mana terdapat ruang tamu, ruang bilik dan pelbagai lagi jenis ruang yang mengikut warisan di Malaysia.

ii. Individu

Kajian ini dapat membantu individu dengan mempelajari dan mengetahui susunatur ruang rumah tradisional Melayu. Hal ini kerana, dapat meningkatkan ilmu pengetahuan individu dalam susunatur ruang yang tidak lagi diguna pakai pada rumah moden. Dengan adanyakajian ini individu lebih mendalami dan mengetahui mengenai susunatur ruang rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

iii. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Universiti

Kajian ini dapat membantu mahasiswa untuk mempunyai kesedaran mengenai susunatur ruang rumah tradisional. Kajian ini boleh membantu mahasiswa untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

1.7 Stuktur Kajian

Bab 1 merupakan pengenalan yang menerangkan tajuk kajian perbandingan kesenian susunatur ruang rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Bab ini juga merangkumi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

Bab 2 menerangkan mengenai sorotan kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji bagi tajuk ini. Bab ini juga merangkumi kajian lepas untuk pengkaji mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Selain itu, asal usul rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan juga akan di terangkan dalam bab 2 serta kerangka teori yang digunakan dalam bab ini ialah teori estetika.

Bab 3 menerangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam tajuk kesenian susunatur ruang rumah tradisional Melayu negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Selain itu, bab ini juga menerangkan mengenai cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Antaranya terdapat rekabentuk kajian, pengumpulan data, persempelan, instrument dan analisis data.

Bab 4 akan membincangkan mengenai data dan maklumat yang diperolehi melalui temubual dan kajian lapangan. Data lengkap menggambarkan kepentingan kajian kesenian susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

Bab 5 merupakan kesimpulan untuk membincangkan kesemua hasil kajian yang telah dibuat oleh pengkaji. Malahan ia pengkaji juga memberi cadangan untuk pengkaji akan datang bagi meneruskan kajian ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Dalam bab 2 ini akan menerangkan mengenai sorotan kajian yang telah dilakukan dalam kajian lepas. Bab ini menceritakan tentang definisi istilah dari segi warisan, susunatur, rumah, tradisional dan melayu. Selain itu, sorotan kajian ini akan mengemukakan mengenai asal usul rumah tradisional, kerangka teori dan kesimpulan.

2.1 Kajian Lepas

Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan antara kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu kesenian susunatur ruang rumah tradisional Melayu negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Dalam kajian terdahulu mampu dijadikan sumber rujukan untuk pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dalam kajian tersebut. Kajian lepas ini adalah untuk memberi pengetahuan mengenai latar belakang yang melibatkan tajuk kajian kepada pengkaji. Secara tidak langsung, kajian lepas mampu menjadi sumber asas pengetahuan dan melancarkan perjalanan sepanjang kajian ini dijalankan.

Dalam pertikan artikel yang bertajuk ‘identiti senibina melayu islam dalam perancangan dan struktur ruang dalaman rumah tradisional Melayu Kelantan’ dalam kajian lepas mengenai rumah tradisional negeri Kelantan mempunyai perancangan dan struktur ruang dalam identiti senibina Melayu Islam yang mempengaruhi cara hidup orang Melayu yang diwarisi daripada cara hidup turun temurun.

Dalam petikan artikel yang bertajuk “reka bentuk rumah tradisional negeri Sembilan di pengaruhi oleh adat dan kedaerahan” dalam kesenian rumah tradisional negeri Sembilan yang mementingkan adat yang menjadi garis panduan kehidupan yang merangkumi peraturan adab dan amalan yang diamalkan oleh kelompok dalam kehidupan harian. Rumah tradisional negeri Sembilan mempunyai keunikan dalam adat yang diamalkan dalam masyarakat iaitu mengikut adat pepatih. Adat dan kebudayaan ini sering dikaitkan dengan masyarakat Minangkabau.

2.1.1 Warisan

Warisan merupakan budaya yang diamalkan oleh masyarakat setempat untuk meneruskan budaya ke generasi yang seterusnya. Contohnya, berpakaian baju melayu untuk lelaki dan baju kurung untuk perempuan. Selain itu warisan adalah sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu menurut Jabatan Warisan Negara (2015). Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejangat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan.

2.2 Asal Usul Rumah Tradisional Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan

2.2.1 Asal Usul Rumah Tradisional Negeri Kelantan

Rumah tradisional negeri Kelantan merupakan rumah yang dikenali sebagai rumah Melayu Islam. Bagi rumah tradisional negeri Kelantan ia mempunyai pengaruh dari agama Islam yang dimana terdapat beberapa ukiran yang berdasarkan ayat Al-Quran dan mempunyai susunatur ruang yang dibagikan kepada ruang untuk wanita dan ruang untuk lelaki. Sejarah dan perkembangan rumah tradisi Melayu Kelantan bermula sebelum era ke-19. Jenis rumah yang wujud di era ini ialah jenis rumah tiang dua belas, rumah bujang selasar, rumah bujang dan rumah golongan rakyat. Pada pertengahan kurun ke 19, muncul rumah jenis perabung lima (Mohamad Anwar Omar Din 1997). Rumah tradisional negeri Kelantan yang berpegang teguh dengan adat resam, peraturan dan kepercayaan.

2.2.2 Asal Usul Tradisional Negeri Sembilan

Rumah tradisional negeri Sembilan adalah rumah melibatkan dengan masyarakat Minangkabau. Bagi rumah negeri Sembilan ini dipengaruhi oleh dua kumpulan iaitu penghijrahan masyarakat Minangkabau iaitu kumpulan pertama datang dari daerah pedalaman Sumatera mengamalkan sistem Adat Perpatih sementara terdapat kumpulan kedua yang terdiri dari daerah persisiran Sumatera dan mengamalkan Adat Temenggung.

2.3 Kerangka Teori

Kerangka teori merupakan struktur yang menyokong atau menjadi pemegang teori kajian di dalam penyelidikan. Kerangka teori ini sebenarnya menjadi fungsi untuk menerangkan dan menjelaskan permasalahan kajian yang dikaji wujud. Bagi kerangka teori ini ia merupakan kajian yang dilakukan untuk memastikan bahawa kajian ini berjalan dengan lancar.

2.3.1 Teori Estetika

Teori yang digunakan bagi kajian ini adalah teori estetika iaitu berkait rapat dengan rumah tradisional Melayu yang sangat menarik, unik dan mempunti persepsi fungsi ruang tertentu. Estetika bermaksud 'seni' dan kejelasan idea tentang unsur reka bentuk menurut Abdul Halim Nasir 1995, faktor –faktor yang mempengaruhi sesuatu reka bentuk rumah tradisional adalah unsur-unsur budaya seperti adat, cara hidup, kepercayaan dan nilai-nilai masyarakat. Ini juga termasuk dengan susunatur rumah tradisional Melayu yang mempnyai nilai budaya identity masyarakat melayu. Perkaitan kajian ini dengan teori estetika adalah dengan menerangkan fungsi-fungsi susunatur yang mempunyai prespektif keindahan, prasaan dan tanggapan yang dihasilkan oleh manusia melalui kreativiti (Nor Azman Ab Aziz, 2013)

2.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan bab ini menerangkan kajian dengan lebih mendalam mengenai definisi setiap perkataan yang digunakan. Selain itu, bab ini juga menjelaskan definisi yang perlu dikaji bagi memudahkan pembaca dalam setiap istilah yang ada untuk pelbagai golongan. Dalam bab ini juga tidak dikaji dengan kajian yang kosong malah dikaji dengan penuh penelitian mengenai definisi istilah dan kerangka teori.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Melalui bab 3 ini menerangkan berkenaan metodologi kajian, terdapat beberapa aspek kajian yang perlu dititikberatkan dan perlu dilaksanakan pada kajian ini. Bertujuan untuk menyelesaikan dan melengkapkan isi dalam kajian yang dilakukan. Dalam metodologi kajian ini mempunyai aspek yang tertentu seperti reka bentuk kajian, pengumpulan data, persempelan instrumen, analisis data dan kesimpulan.

3.1 Rekabentuk Kajian

Terdapat tiga kaedah rekabentuk kajian yang boleh dilaksanakan dalam melakukan penyelidikan. Kaedah yang dapat dilaksanakan ialah kaedah yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam. Antaranya ialah:

3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ialah kajian yang dilakukan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam. Selain itu, kaedah ini merupakan penyelidikan yang menerangkan proses, langkah dan sebab sesuatu perkara terjadi. Sebagai contoh, kaedah ini perlu dijalankan secara berterusan. Menurut Prof. Madya Dr Santhiram Raman (2000) dan Siti Hawa Abdullah (2001) ia

melibatkan falsafah dan strategi dalam melakukan kajian. Selain itu, kajian ini merangkumi natiralistik, etnografi, pemerhatian peserta, kajian kes dan subjektif.

3.1.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam rekabentuk kajian. Kaedah ini melibatkan perkara seperti temubual, soal selidik dan sebagainya. Menurut Chua (2006) dari penyelidikan NS Ismail Zawawi (2015) mengatakan kaedah kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan, yang berdasarkan inkuiri yang menggunakan kajian eksperimental dan data numerika untuk dianalisis dengan ujian statistik. Antara jenis kaedah kuantitatif ialah kajian deskriptif, kajian korelasi, *casual comparative* dan kajian eksperimental.

3.1.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran ini merupakan kaedah yang menggunakan kedua-dua kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kedua-dua kaedah ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat dalam kajian yang dijalankan. Jenis-jenis kedua kaedah ini iaitu kaedah kualitatif melakukan temubual terhadap responden manakala kaedah kuantitatif menjalankan soal selidik berkaitan dengan tajuk kajian terhadap responden.

3.1.4 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian dijalankan ini adalah lebih menjurus kepada cara untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang ditimbulkan. Dalam kaedah pilihan rekabentuk kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan pendekatan yang sesuai iaitu kaedah kualitatif.

3.2 Pengumpulan Data

Dalam menjalankan penyelidikan ini terdapat pelbagai cara yang digunakan dalam mencari maklumat berkaitan mengenai kajian. Kaedah yang dijalankan dapat membantu dalam memberi maklumat mengenai kajian dengan lebih mudah dan teratur. Bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam kajian ini dengan mengkaji kajian lepas. Dengan mengkaji kajian lepas kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang boleh diguna pakai.

3.2.1 Data Primer

Data primer merupakan kajian yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada kajian lapangan, temubual dan pemerhatian.

i. Kajian Lapangan

Kajian lapangan menurut Asmah Hj Omar (2002:1-2) dalam artikel N Ibrahim 2009 merujuk kepada tempat sesuatu fenomena yang hendak dikaji yang menyediakan maklumat kajian untuk ditafsir berpandukan objektif kajian. Kajian ini dilakukan pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan susunatur ruang rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

ii. Temubual

Temubual merupakan kajian yang harus dilakuakn bagi pengakaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan susunatur ruang rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Hal ini pengakaji menemubual responden yang terdapt di kawasan kajian lapangan tersebut.

iii. Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kajian untuk mengukuhkan lagi maklumat yang dapat pada kajian lapangan tersebut. Pemerhatian juga merupakan kaedah untk mengukur objektif kajian.

3.2.2 Data Skunder

Data skunder merupakan kaedah bagi pengkaji mendapatkan maklumat melalui kajian-kajian lepas dan maklumat berkaitan dengan penyelidikan. Kaedah yang digunakan dalam data skunder ialah artikel/junal, internet dan majalah/akhbar.

i. Artikel/Jurnal

Melalui artikel/junal ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat dengan kajian yang telah dilakukan bagi menguatkan dan menambahkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

ii. Internet


Melalui internet terdapat beberapa maklumat yang diperoleh bagi pencarian maklumat berkaitan dengan susunatur ruang rumah tradisional Melayu.

iii. Majalah/Akhbar

Melalui majalah/akhbar boleh dijadikan maklumat tambahan dan menguatkan lagi penerangan berkaitan dengan susunatur ruang rumah tradisional Melayu.



3.2.3 Proses Kajian



Rajah 3.1: Proses kajian

(Sumber: Dinie Idham Ahmad Fadzil,2021)

3.3 Persempelan

Persempelan merupakan kajian kualitatif yang menumpukan kepada kumpulan bertujuan untuk melakukan temubual kepada agensi yang terlibat bagi emudahka kajian penyelidikan ini dilakukan. Terdapat beberapa kumpulan yang terlibat secara langsung dalam kajian penyelidikan ini seperti persempelan secara umum dan tinjauan kumpulan. Persempelan secara umum lebih kepada umur, jantina dan negeri. Manakala tinjauan kumpulan terdiri daripada dua iaitu:

i. Organisasi Muzium Negeri Sembilan

Temubual akan dilakukan kepada organisasi muzium ini bertujuan untuk mengetahui seni susunatur dan keunikan susunatur rumah tradisional Melayu di negeri Sembilan.

ii. Pemilik Rumah Tradisional Negeri Kelantan

Mengetahui maklumat berkaitan dengan rumah tradisional negeri Kelantan dengan melakukan kaedah temubual bersama pemilik rumah tersebut berkenaan seni susunatur dan keunikan susunatur rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan.

3.4 Instrumen

Dalam proses penyelidikan ini terdapat beberapa kaedah instrument yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan iaitu:

3.4.1 Temubual

Kaedah temubual digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan susunatur rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Kaedah ini merupakan satu cara untuk mengetahui pandangan terhadap seni susunatur dan keunikan susunatur ruang rumah tradisional Melayu. Dalam kaedah ini penggunaan video, voice record dan fotografi digunakan bertujuan sebagai sumber maklumat yang lebih tepat.

i. **Fotografi**

Fotografi ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat bergambar berkenaan susunatur ruang rumah tradisional. Hal ini kerana maklumat ini dapat dijadikan sebagai maklumat tepat.

ii. **Perakam Suara**

Perakam suara dapat memberikan maklumat dengan jelas berkenaan kajian penyelidikan. Hal ini kerana, perakam suara dapat digunakan semula bagi tujuan mencari maklumat yang sah.

iii. **Video**

Video ini bertujuan untuk melihat semula kawasan kajian untuk kepastian mengenai susunatur ruang dengan lebih jelas dan terperinci.

3.5 Analisis Data

Analisis data bertujuan setelah kesemua data yang di perolehi dalam kajian yang dilakukan melalui kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang dilakukan ialah kajian lapangan terhadap kawasan rumah tradisional Melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Selain itu kaedah yang digunakan ialah temubual terhadap responden yang berpengetahuan mengenai rumah tradisional. Pemerhatian juga digunakan dalam kaedah ini bagi mendapatkan data terhadap kajian penyelidikan yang dijalankan.

Semasa menjalankan kajian ini terdapat beberapa kaedah yang memainkan peranan penting dalam penyimpanan data dengan selamat. Hal ini kerana, maklumat yang diambil melalui temubual harus dirakam bagi tujuan semakan kedua untuk memastikan data yang disampaikan adalah tepat dan sahih. Maka, analisis data yang akan dilaksanakan adalah dengan memilih data yang sesuai dari transkrip temubual secara 'in-depth' bagi merungkai objektif kajian.

Selain itu, kajian-kajian lepas juga merupakan punca untuk mendapatkan maklumat awal dalam melakukan kajian terhadap penyelidikan ini. Hal ini bertujuan, untuk mendapatkan permasalahan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Dengan adanya ketiga-tiga perkara penting dalam kajian ini dapat dilaksanakan dengan mudah.

3.6 Kesimpulan

Kesimpulanya, bab 3 ini menumpukan kepada kaedah-kaedah yang perlu dijalankan bagi melancarkan lagi proses-proses kajian ini. Dengan penggunaan kaedah kajian kualitatif ini dapat melibatkan secara langsung dengan responden untuk sesi temubual yang mempunyai pengetahuan mengenai susunatur rumah tradisional di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Pada bab ini akan diterangkan secara terperinci berkenaan dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji melalui temubual dengan pegawai muzium dan tuan rumah di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Dalam dapatan kajian ini telah mengkaji terlebih dahulu berkenaan dengan susunatur ruang yang terdapat pada rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Pengkaji juga telah menyediakan beberapa soalan untuk ditanyakan kepada pegawai muzium dan tuan rumah tersebut. Hal ini kerana, untuk memastikan bahawa maklumat yang perlu pengkaji perolehi dapat tepat dan jelas.

Susunatur ruang pada rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan mempunyai kesenian yang tersendiri. Pengkaji mendapati kesenian tersebut bukan hanya pada ukiran yang ada pada ruang malah ruang tersebut mempunyai kepercayaan masing-masing. Bagi susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan ia lebih kepada kepercayaan agama islam. Manakala susunatur ruang rumah tradisional negeri Sembilan lebih kepada taraf kehidupan seseorang.

Selain itu, susunatur rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri sembilan mempunyai perbandingan yang ketara. Bagi susunatur ruang rumah negeri Kelantan dan negeri sembilan mempunyai serambi dan ruang ibu juga dapat dikaitkan dengan perbezaan fungsi. Keunikan juga mempunyai perbezaan ketara dilihat dari segi ukiran kayu pada dinding ruang dan pengaruh yang terdapat pada susunatur ruang rumah tersebut. Pelbagai lagi perbezaan yang dapat diperkatakan dalam bab ini untuk diterangkan secara terperinci.

Rajah 4.1: Demografi informan

Nama	Umur	Pekerjaan	Asal
Informan 1	49	Pegawai muzium	Negeri Kelantan
Informan 2	51	Pertani	Negeri kelantan
Informan 3	45	Pegawai muzium	Negeri Sembilan
Informan 4	56	Berniaga	Negeri Sembilan

4.1 Kesenian Susunatur Ruang Rumah Tradisioanal Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan.

Objektif ini untuk mengenalpasti seni susunatur ruang rumah tradisional di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Kesenian sussenatur ruang rumah tradisional melayu dapat dilihat daripada pengaruh yang mempengaruhi komponen-kompenan sussenatur ruang. Selain itu, dalam objektif ini menekankan perkembangan pada susunatur ruang rumah tradisional yang semakin dilupakan oleh masyarakat.

4.1.1 Kesenian Susunatur Ruang Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan

Susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan mempunyai kesenian yang tersendiri. Kesenian susunatur ruang rumah tradisional melayu Kelantan dapat dilihat daripada pengaruh agama islam. Dengan pengaruh agama islam susunatur dalam rumah tradisional negeri Kelantan dapat menentukan setiap ruang mempunyai kegunaan jantina. Jika dilihat daripada ruang dapur banyak digunakan oleh kaum wanita manakala ruang serambi dan ruang ibu banyak digunakan oleh kaum lelaki.

Rumah tradisional di negeri Kelantan merupakan rumah yang mempunyai perancangan susunatur yang mengikut melayu islam. Susunatur ruang dan kompenan yang bersesuaian mengikut dan kehendak ajaran islam. Dimana susunatur ruang yang mempunti pengasingan ruang diantara ruang lelaki dan ruang perempuan.

Jika dilihat dalam susunatur ruang rumah tradisional di negeri Kelantan telah mengasingkan ruang tersebut untuk aktiviti keluarga. Bagi aktiviti kenduri atau jamuan bahagian telah diasing dimana bagi kaum wanita di bagaian dapur manakala bagi kaum lelaki banyak menggunakan ruang serambi dan ruang ibu.

“Ruang ibu banyak digunakan dalam aktiviti bagi kaum lelaki seperti tempat tidur, berbual dan bermain untuk anak kecil, manakala ruang dapur banyak digunakan oleh kaum wanita.”

Informan 1

“Ruang ini dibahagikan kepada dua bagaian untuk kegunaan kaum wanita dan kaum lelaki dalam melakukan aktiviti seperti kenduri “

Informan 2

Seterusnya, susunatur ruang rumah tradisional di negeri Kelantan kurang digunakan dalam rumah moden. Hal ini kerana, ruang rumah moden lebih kepada pengaruh luar. Susunatur ruang tradisional rumah negeri Kelantan tidak lagi menjadi tarikan kepada masyarakat untuk menggunakan susunatur ruang tersebut.

Bagi susunatur ruang rumah moden hanya memudahkan pengguna untuk kehidupan seharian. Dalam rumah moden ini tidak mempunyai banyak ruang malahan ia hanya terdapat ruang ibu, ruang bilik dan ruang dapur sahaja. Manakala susunatur ruang rumah tradisional melayu negeri Kelantan mempunyai pelbagai ruang seperti serambi, ruang ibu, ruang bilik, ruang selang dan ruang dapur. bagi ruang yang ada pada rumah tradisional terdapat fungsi-fungsi tersendiri.

“Susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan tidak lagi digunakan dalam rumah tradisional melayu”

Informan 1

“Tidak dapat dilihat lagi pada masa kini susunatur ruang ini digunakan dalam rumah moden”

Informan 2

4.1.2 Kesenian Susunatur Ruang Pada Rumah Tradisional Di Negeri Sembilan.

Daripada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji, mendapati bahawa susunatur ruang rumah negeri Sembilan tidak hanya berpengaruh kepada rumah Minangkabau. Malah ia juga mempunyai banyak perbezaan di antara rumah tradisional negeri Sembilan dan rumah minangkabau. Susunatur ruang ini banyak berpengaruh daripada kawasan persekitaran. Jika dilihat kawasan persekitaran mempunyai pengaruh yang besar terhadap susunatur ruang rumah tradisional negeri Sembilan. Susunatur ruang rumah ini juga berpengaruh daripada luak yang tersendiri.

“Terdapat dua pengaruh yang diidapati dalam susunatur rumah tradisional di negeri Sembilan iaitu pengaruh dalaman siapa pemilik rumah tersebut manakala pengaruh luaran yang terdapat pada flora dan fauna”

Informan 3

“Pengaruh dari suku-suku yang ada, sebagai contoh luak gemencheh yang membuka tanah di kawasan tersebut”

Informan 4

Seterusnya, susunatur ruang rumah tradisional negeri Sembilan masih lagi mengekalkan dalam rumah moden. Tetapi bukan keseluruhan yang dikekalkan hanya beberapa ruang sahaja dikekalkan, seperti ruang serambi yang memanjang. Bagi susunatur ruang tradisional negeri Sembilan tidak diambil secara mendalam kerana kebanyakan ruang tidak sesuai digunakan dalam susunatur ruang rumah moden. Di negeri Sembilan kebanyakan rumah hanya mengekalkan bentuk bumbung rumah tradisional negeri Sembilan dalam rumah moden.

“Bagi susunatur rumah tradisional di negeri Sembilan kurang digunakan dalam rumah hanya beberapa ruang yang dikekalkan dalam rumah moden”

Informan 3

“Masih mengekal susunatur rumah tradisional dalam susunatur rumah moden tapi hanya terdapat beberap rumah sahaja di kawasan ini”

Informan 4


4.2 Perbandingan Susunatur Ruang Yang Terdapat Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan.

4.2.1 Perbezaan Fungsi Ruang Rumah Tradisoanal Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan

Susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan ia lebih kepada keagamaan. Hal ini kerana, sejak turun temurun lagi rumah tradsioanal di warisi dan mengikut adat resam, warisan dan agama islam. Dalam temuramah yang dilakukan pengkaji mendapati bahawa susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan ruang ruang pada rumah mempunyai fungsi-fungsi tersendiri. Sebagai contoh jika dilihat pada bahagian ruang ibu yang digunakan untuk kaum lelaki melakukan pelbagai aktiviti dan tempat untuk melayani tetamu.

Fungsi ruang rumah di negeri Kelantan terdapat pembahagian kepada kaum lelaki dan kaum wanita. Jika dilihat ruang anjung digunakan unyuk membaca surat khabar, melihat anak-anak bermain dan tempat menyambut tetamu, ruang serambi tergantung digunakan untuk aktiviti lelaki dan tetamu, ruang ibu pula digunakan untuk aktiviti bagi kaum lelaki, ruang serambi seramik yang dipanggil ruang serbaguna, ruang selang digunakan untuk aktiviti bersama, dan ruang tengah digunakan oleh kaum wanita serta ruang dapur.

Manakala, rumah tradisional negeri Sembilan juga mempunyai ruang-ruang yang mengikut fungsi. Di setiap ruang juga mempunyai ukiran kayu yang digunakan bagi menampakkan ruang tersebut kelihatan cantik. Fungsi-fungsi yang terdapat pada ruang rumah tradisional negeri Sembilan ialah ruang ibu. Ruang ibu ini berfungsi untuk kaum wanita sahaja, bagi kaum lelaki mereka tidak dibenarkan untuk memasuki ruang ibu tersebut. Ruang ibu ini terdiri daripada ibu waris yang membentuk kepada suku tersebut.



Rajah 4.1: Fungsi ruang rumah negeri Kelantan
(Sumber jurnal Nor Hafiza Othman dan Abd Aziz Shuaib)



Rajah 4.2: Fungsi ruang ibu negeri Sembilan
(Sumber fotografi Ahmad Dinie Idham 2021)

“Ruang ini banyak fungsi yang terdiri, contohnya ruang ibu lebih banyak digunakan oleh kaum lelaki untuk melakukan pelbagai aktiviti malah dijadikan tempat tidur”

Informan 1

“Ruang serambi digunakan untuk melayani tetamu yang datang ke rumah, bahagian ruang itu tempatnya untuk bermesra dengan tetamu dan berbual”

Informan 2

“Ruang rumah tradisional negeri Sembilan sememangnya mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri, jika dilihat bahwa ruang serambi hanya digunakan oleh kaum lelaki sahaja. Manakala ruang ibu digunakan oleh kaum wanita untuk tidur dan aktiviti harian”

Informan 3

“Bagi ruang rumah tradisional negeri Sembilan setiap ruang mesti mempunyai fungsi dia, ruang serambi yang mempunyai 3 bahagian iaitu ruang pangkal, ruang tengah dan ruang hujung.”

Informan 4

4.2.2 Perbezaan Ukiran Ruang Rumah Tradisioanal Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan

Selain itu, setiap ruang yang mempunyai pelbagai jenis corak yang digunakan. Bagi rumah tradisional melayu Kelantan ia lebih menggunakan ukiran ayat Al-quran pada pintu masuk ke ruang ibu. Malahan ada juga terdapat beberapa ukiran yang bermotifkan flora di bahagian ruang rumah tradisional do negeri Kelantan. Bagi rumah tradisional negerei Sembilan pula mempunyai ukiran kayu pada setiap ruang. Ukiran kayu ini lebih kepada ukiran tumbuh-tumbuhan. Sebagai contoh rumah tradisional negeri Sembilan ini terletak di persekitaran tumbuh-tumbuhan iaitu paku pakis.

Rajah 4.2: Perbezaan diantara rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri sembilan

Rumah tradisional negeri Kelantan	Perbezaan	Rumah tradisional negeri Sembilan
Kegunaan untuk melayani tetamu	Serambi	Kegunaan untuk aktiviti kaum lelaki
Kegunaan untuk kaum lelaki	Ruang ibu	Kegunaan untuk kaum wanita
Kegunaan untuk wanita ataupun lelaki	Bilik	Kegunaan untuk wanita sahaja

MALAYSIA
KELANTAN



Gambar rajah 4.3: Ukiran ayat Al-quran negeri Kelantan
(Sumber fotografi Ahmad Dinie Idham 2021)



Rajah 4.4: Ukiran kayu pada ruang ibu negeri Sembilan
(Sumber fotografi Ahmad Dinie Idham 2021)

KELANTAN

“Pada pintu masuk terdapat ukiran kayu ayat Al-quran yang digunakan kerana ia melambangkan rumah tersebut diduduki oleh melayu islam”

Informan 1

“Banyak ukiran yang digunakan dalam ruang rumah tradisional di negeri Kelantan, kebanyakannya ukiran kayu bermotifkan flora dan ayat Al-quran”

Informan 2

“Ukiran ruang rumah tradisional ini banyak ukiran alam sekeliling, kerana pada zaman dahulu pendatang-pendatang luar banyak memasuki kawasan melalui sungai.”

Informan 3

“Ukiran pada ruang ini sangat dipengaruhi dari tumbuhan-tumbuhan sekeliling seperti paku pakis”

Informan 4

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Keunikan Susunatur Ruang Di Rumah Tradisional Negeri Kelantan Dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan.

4.3.1 Keunikan Susunatur Ruang Rumah Tradisional Negeri Kelantan.

Dalam susunatur ruang rumah tradisional negeri Sembilan mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan yang berada pada susunan ruang yang di susun secara memanjang ke belakang. Ruang rumah tradisional negeri Kelantan mempunyai enam bahagian iaitu ruang anjung atau ruang hadapan ruang serambi gantung, ruang ibu, ruang selasar, ruang tengah dan ruang dapur. Di bahagian ruang ibu mempunyai ruang selasar yang luas untuk menyambut tetamu. Ruang tengah pula berperanan sebagai ruang bilik untuk keluarga tersebut. Manakala ruang dapur untuk kaum wanita masak dan keluarga makan di kawasan ruang tersebut.

4.3.2 Keunikan Susunatur Ruang Rumah Tradisional Negeri Sembilan.

Susunatur ruang rumah tradisional negeri Sembilan juga mempunyai keunikan yang menarik untuk diperkatakan. Keunikan susunatur ruang ini kita dapat lihat dari ruang yang memanjang ke belakang juga tetapi ia tidak seperti ruang rumah tradisional negeri Kelantan. Ruang rumah tradisional negeri Sembilan ini bermula daripada ruang tangga, ruang serambi yang lebar, rumah ibu, selang dan ruang dapur. ruang tangga untuk menyambut tetamu, ruang serambi untuk kaum lelaki, ruang ibu dan ruang selang serta ruang dapur untuk kaum wanita sahaja.

4.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan dalam bab ini menerangkan kesemua objektif pengkaji disertakan dengan terangan secara lebih mendalam. Susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan mempunyai kesenian yang tersendiri jika dilihat dari segi pengaruh dan kesenian pada ruang tersebut. Manakala ruang ini juga mempunyai perbezaan diantara fungsi dan ukiran kayu. Akhir sekali, dalam bab ini juga menerangkan keunikan susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menyimpulkan dan memberi gambaran secara menyeluruh mengenai kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Selain itu, kesimpulan menyeluruh mengenai ketiga-tiga objektif kajian yang telah dikemukakan. Terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan untuk memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian lebih mendalam berkaitan perbandingan susunatur ruang rumah tradisional di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

5.1 Rumusan

Dalam rumusan ini pengkaji akan menyimpulkan ketiga-tiga objektif kajian yang telah dilakukan iaitu perbandingan kesenian susunatur ruang pada rumah tradisional melayu di negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

5.1.1 Objektif Kajian 1: Kesenian Susunatur Ruang Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan.

Dalam kajian kesenian susunatur ruang pada rumah tradisional di negeri Kelantan dan negeri Sembilan pengkaji mendapati pengaruh luar banyak memberi kesan kepada kesenian susunatur. Bagi susunatur ruang rumah tradisional di negeri Kelantan banyak di pengaruhi oleh agama islam. Hal ini kerana, rumah tradisional negeri Kelantan melambangkan rumah melayu islam.

Bagi rumah tradisional negeri Sembilan pula susunatur ruang lebih di perengaruhi oleh alam sekeliling. Pengkaji mendapati bahawa pengaruh luar memainkan peranan dalam kesenian susunatur ruang rumah tradisional di Malaysia.

5.1.2 Objektif Kajian 2: Perbandingan Susunatur Ruang Yang Terdapat Pada Rumah Tradisional Di Negeri Kelantan Dan Negeri Sembilan.

Objektif kajian ini pengkaji mendapati bawah banyak perbezaan diantara susunatur ruang rumah tradisional di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Perbezaan yang kertara di mana susunan ruang yang bermula dari serambi, rumah tradisional negeri Kelantan mempunyai dua serambi dibahagian tepi manakala rumah tradisional negeri Sembilan mempunyai serambi yang memanjang di bahagian depan. Dalam kajian ini rumah tradisional yang ada di Malaysia mempunyai perbezaan yang tersendiri bagi menentukan rumah tradisional tersebut melambangkan setiap negeri.

5.1.3 Keunikan Susunatur Ruang Di Rumah Tradisional Negeri Kelantan Dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan.

Susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan mempunyai keunikan yang tersendiri. Yang dapat dilihat bahawa susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan jenis yang memanjang kebelakang. Bagi susunatur ruang rumah tradisional negeri Sembilan ini hanya melebar ke bahagian tepi. Keunikan yang ada pada rumah tradisional dapat memberi impak kepada pengkaji mengenai susunatur ruang amat memainkan peranan yang penting bagi setiap rumah tradisional.

5.2 Cadangan

Dalam cadangan ini pengkaji akan menerangkan beberapa cadangan untuk mengekalkan rumah tradisional dapat dikaji oleh pengkaji yang seterusnya. Cadangan ini juga untuk pengkaji seterusnya mempernambah baik kajian yang telah dilakukan.

Kesenian susunatur ruang ini mempunyai pelbagai lagi jenis rumah tradisional yang ada di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Pengkaji seterusnya haruslah menyenaraikan beberapa biji rumah tradisional yang ada di negeri Kelantan dan negeri Sembilan. Hal ini kerana, terdapat rumah bujang di negeri Kelantan manakala rumah tradisional negeri Sembilan yang berpengaruh siapa pemilik rumah tersebut. Bagi rumah negeri Sembilan mempunyai perbezaan di ruang serambi jika diduduki oleh orang biasa dan penghulu atau berjawatan.

Perbandingan diantara susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan mempunyai banyak perbezaan. Bagi pengkaji seterusnya harus melakukan beberapa penelitian dalam perbandingan kedua-dua rumah tradisional tersebut. Penelitian mengenai susunatur ruang yang berbeza. Selain itu, pengkaji harus menyenaraikan perbezaan diantara rumah tradisional tersebut.

Keunikan susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan yang boleh dikatakan sangat unik. Pengkaji harus menyenaraikan berapa biji rumah tradisional yang ada di setiap negeri. Dalam kajian seterusnya pengkaji perlu melakukan menanyakan soalan yang berasaskan keunikan yang ada pada susunatur ruang rumah tradisional negeri Kelantan dan negeri Sembilan.

Rujukan

Mohd Firrdhaus Mohd Sahabuddin, 2016, rumah tradisional melayu: antara seni, sains dan realiti

Alias, 2014, majalah, karya agung: definisi dan etimologi melayu

Istima, 2007, lama sesawang: pengertian menurut para ahli

M Abed Al Jabiri, 2000, laman sesawang: pengertian menurut para ahli

Mona Ahmad, 2015, rumah melayu, berita harian online

Jabaran Warisan Negara, 2015, warisan

Norazila binti kamarulzaman, Mei 2019, pengaruh suku kaum jawa dan bugis dalam membentuk kepelbagaian seni bina johor, Unibersiti Teknologi Malaysia

Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim, Sari 25 (2007) 279-290, Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaian, Nota Penyelidikan

NS Ismail Zawawi, 2015, Metodologi Kajian, Universiti Malaya

N Ibrahim, 2009, Metodologi Kajian, Universiti Malaya

MS Surat, MA Baharum, IMS Usman, AR Musa, NM Tawil, Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui konsep Islam, Journal of Design+ Built 5(1), 2012

Buku: Abdul Halim Nasir (1985), Pengenalan Rumah Tradisional Melayu: Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur, Darulfikir.

Nor Hafiza Othman, Abd Azizi Shuaib, Identiti Senibina Melayu Islam Dalam Perancangan Dan Struktur Ruang Dalaman Rumah Tradisional Melayu Kelantan.

Noor Hayati ismail, Sharul Kamil Yunus, Mastor Surat (2014) Reka Bentuk Rumah Tradisioanal Negeri Sembilan Dipengaruhi Oleh Adat Dan Kedaerahan.